


16 - 31 MAC, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Kebakaran di Pulau Burung TERIMA KASIH atas penyelesaian bersama



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika turun padang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung pada 16 Januari 2022.

**KEBAKARAN** di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang terjadi pada 12 Januari lepas serta membawa kepulan asap di kawasan sekitar menjadi antara cabaran yang begitu menguji kecekapan Kerajaan Negeri dan juga pasukan keselamatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) di negeri ini.

Selain pemindahan penduduk dan penutupan sekolah-sekolah ekoran pencemaran udara yang berlaku, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut mengumumkan sumbangan tunai bernilai RM1,000 masing-masing kepada isi keluarga yang terjejas.

Malah, dalam pengumuman pada 24 Februari lalu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sedang menjalankan proses penelitian penamatan kontrak syarikat konsesi tapak pelupusan sampah Pulau Burung yang dijangka tamat pada 5 April ini selepas pemberian penambahan masa (EOT).

Keputusan itu dibuat melalui dua mesyuarat Exco baru-baru ini setelah Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) membentangkan laporan-laporan berkaitan sebelum ini.

"Pihak MBSP kini sedang menyediakan garis masa sekiranya kontrak ini ditamatkan, malah (MBSP) juga menyediakan garis masa untuk mengoperasikan tapak pelupusan tersebut secara interim (sementara) sebelum sebuah syarikat, mungkin dengan teknologi baharu dilantik.

"Serentak itu, notis juga telah disampaikan kepada syarikat berkenaan tentang niat dan tujuan ini," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa kebakaran di Pulau Burung yang berlaku pada 12 Januari 2022 hingga 1 Februari 2022 telah berjaya dipadamkan sepenuhnya.

"Kerja-kerja tambakan tanah oleh syarikat konsesi masih diteruskan dan bahagian-bahagian yang berkenaan telah ditutup dengan tanah-tanah merah. Kerja-kerja berkaitan akan diteruskan di semua kawasan atas tapak pelupusan," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Pada hari kejadian, panggilan kecemasan diterima pada jam 5:12 petang dan tepat 5:26 petang pasukan Bomba dari Nibong Tebal sampai ke kawasan tersebut.

Penguasa Kanan Bomba II (PgKB), **NORHAIRUDDIN NORAIDIN** antara yang tiba ke tempat kejadian pada malam tersebut untuk memantau dan mengkaji kaedah sesuai mengawal kebakaran.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** dan **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** baru-baru ini sempat menemuramah Norhairuddin mengenai pengalaman beliau mengawal kebakaran berskala besar tersebut.

"Hari pertama saya datang untuk tengok laporan, keadaan pada masa itu api marak dibantu pula dengan tiupan angin kencang dan juga ditambah dengan letupan-letupan akibat pembuangan tin aerosol dan sebagainya.

"Dalam keadaan tersebut, saya memanggil semua anggota untuk turun semula ke bawah, kerana bagi saya keselamatan adalah nombor satu, saya tidak mahu ada kecederaan dan kehilangan nyawa.

"Ketika itu juga, pasukan saya mencerap ukuran dari segi keluasan kawasan bagi memudahkan tindakan susulan serta mencongak strategi sesuai," jelasnya yang berkhidmat di Pulau Pinang kira-kira 12 tahun.

Walaupun skop kebakaran agak besar (11 hektar) berdasarkan taklimat Ketua Balai Nibong Tebal, Norhairuddin memberitahu bahawa pasukannya dilihat seakan-akan tidak panik memandangkan tidak melibatkan nyawa manusia.

*(Sambungan di muka 5).*

# Firma Switzerland labur RM320 juta besarkan kilang




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tiga dari kiri) mewakili Ketua Menteri menyempurnakan majlis pecah tanah bagi pembangunan kilang baharu VAT dekat Taman Perindustrian Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TAMBUN** – Syarikat pembekal injap vakum terkemuka dunia, *VAT Group AG* (VAT) bakal melabur RM320 juta bagi mengembangkan operasi di Pulau Pinang melalui pembangunan kilang baru dekat Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapannya berkata bahawa pembangunan kilang baharu itu dijadualkan siap pada tahun 2024.

"Projek pembesaran ini akan mewujudkan 600 pekerjaan baharu dalam tempoh lima tahun akan datang yang menjadikan jumlah keseluruhan tenaga kerja VAT di negeri ini adalah melebihi 1,200 orang," ucapnya sebelum mengambil bahagian dalam majlis pecah tanah dekat Persiaran Cassia Selatan 6 di BKIP di sini pada 28 Januari lalu.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif VAT Group AG, Mike Allison; Pengarah Urusan VAT Manufacturing Malaysia Paraveen Singham; Penasihat Pelaburan Khas kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Penang, Dato' Loo Lee Lian; Duta Switzerland ke Malaysia, Andrea Reichlin.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, projek pembesaran VAT bukan sahaja menawarkan peluang pekerjaan kepada bakat di negeri ini, malah turut membuka peluang untuk mereka belajar daripada pembekal injap vakum berprestasi tinggi terkemuka dunia.

"Ini membolehkan mereka mendapat pengetahuan teknikal dalam pemesinan ketepatan dan pemasangan yang mana diyakini dapat mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai magnet bakat di wilayah utara.

"Oleh itu, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri begitu komited untuk menyediakan perkhidmatan kemudahan terbaik bagi projek pembesaran VAT di sini," katanya.

Pada masa sama, Ahmad Zakiyuddin turut menzahirkan ucapan tahniah kepada VAT atas pencapaian cemerlang tersebut.

"Ini sesuai dengan reputasi Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur selain menjadi salah satu hab terkemuka dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), mesin dan peralatan (M&E) serta teknologi perubatan yang telah menyumbang kepada kira-kira 5 peratus daripada pasaran semikonduktor di seluruh dunia.

"Paling penting, kami berasa bangga kerana Pulau Pinang berjaya mengekalkan momentum dalam pengeluaran peralatan asal yang mana VAT memainkan peranan penting dalam rantaian penyampaian nilai.

"Saya juga berbesar hati untuk menyatakan bahawa VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd. merupakan yang terawal membangunkan kemudahan pembuatan di BKIP pada tahun 2012," katanya.

Sementara itu, Allison berkata ekosistem rantaian bekalan tempatan yang kukuh dan cekap merupakan salah satu faktor yang menarik VAT untuk mengembangkan operasinya di Pulau Pinang.

"Selepas membuat penilaian secara menyeluruh terhadap beberapa pilihan yang ada untuk mengembangkan operasi, kami menyimpulkan bahawa Pulau Pinang merupakan lokasi terbaik atas beberapa faktor.

"Pasukan kami di Pulau Pinang sudah melakukan kerja yang hebat bagi meningkatkan pengeluaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk memenuhi keperluan pasaran yang berkembang pesat dan keputusan mengembangkan lagi operasi di Pulau Pinang adalah sebagai mengiktiraf usaha cemerlang mereka.

"Selain itu, beberapa pelanggan terbesar kami beroperasi di rantau ini dan peningkatan pengeluaran di sini akan mengukuhkan lagi keupayaan untuk bekerjasama dengan mereka secara lebih berkesan dan menyampaikan nilai dengan lebih cepat dan cekap," katanya.

Allison turut menjelaskan bahawa VAT Manufacturing Malaysia akan menjadi pembekal utama untuk pelanggan syarikat di Korea Selatan, Jepun, China dan seluruh Asia.

## Pembukaan Salt Tech memacu digitalisasi

**GEORGE TOWN** – Syarikat peneraju pemasaran digital dan pembangunan laman web terkemuka, Salt Tech Solutions Sdn. Bhd. (Salt Tech) membuka cawangan baru dekat Lebuh Bishop di sini.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain berharap agar pembukaan syarikat tersebut mampu memacu Pulau Pinang ke arah digitalisasi dengan lebih cepat.

"Peningkatan permintaan bagi pembelajaran dalam talian memerlukan satu solusi interaktif melebihi panggilan video semata-mata.

"Sekarang ini *Zoom* dilihat sebagai aplikasi yang digunakan secara meluas untuk bermesyuarat dalam talian, namun ia dilihat masih kurang interaktif bagi sesi kelas pembelajaran.

"Justeru, saya percaya kredibiliti syarikat seperti Salt Tech mampu mengecilkan jurang yang ada untuk menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik," katanya ketika merasmikan pembukaan syarikat berkaitan pada 8 Februari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Salt Tech Solutions Sdn. Bhd., Nhu Nguyen.

Pada masa sama, Abdul Halim percaya bahawa syarikat yang berpangkalan di Kuala Lumpur itu dapat membantu menjadikan komunikasi dalam talian lebih baik ketika dijalankan melalui medium tersebut.

"Ini selari dengan visi Kerajaan Negeri yang mahu menggalakkan digitalisasi serta inovasi bagi menyokong pembangunan ekonomi negeri dan negara," ujarnya.

Sementara itu, Nhu Nguyen memberitahu bahawa tempoh sukar yang dihadapi oleh sektor ekonomi memerlukan pihaknya bertindak lebih agresif dalam bidang kaedah pemasaran.

"Kami memberi tumpuan dalam melancarkan beberapa lagi platform pada tahun ini, kami juga berharap dapat mencipta padanan sosial serta menggalakkan perkongsian pengetahuan kepada semua dengan lebih mudah," jelasnya.




ABDUL Halim Hussain menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian pembukaan Salt Tech di sini baru-baru ini.

# Siap siaga, syukur diberi peluang berkhidmat di Pulau Pinang



DR. Ahmad Jailani Muhamed Yunus.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**MENGEMUDI** jentera pentadbiran sebuah negeri maju seperti Pulau Pinang pastinya memberikan cabaran yang tersendiri buat **DATO' DR. AHMAD JAILANI MUHAMED YUNUS** selepas dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada Disember 2021.

Walau bagaimanapun, ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini, beliau meluahkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk berkhidmat di negeri ini.

"Dalam perkhidmatan saya sejak sekian lama, saya tidak pernah bekerja untuk Kerajaan Negeri… jadi apabila ditawarkan berkhidmat di negeri Pulau Pinang, saya menerimanya tanpa berfikir dua kali.

"Adalah satu rahmat apabila saya berpeluang berkhidmat di Pulau Pinang dengan memikul tanggungjawab yang begitu penting, lebih-lebih lagi selepas melihat pelbagai kejayaan yang dicapai negeri ini terutamanya dalam sektor ekonomi.

"Sebab itulah, saya gembira semasa pertama kali melangkah masuk ke pejabat ini kerana saya tahu bahawa saya berada di sebuah negeri yang sangat berjaya, dan ini memberikan dorongan untuk saya menjalankan tugas dengan lebih baik.

"Saya sangat bertuah kerana Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow) sanggup terima saya untuk berkhidmat di negeri ini," ujarnya mesra ketika ditemui dekat pejabat beliau di Komtar.

## Cabaran baru

Menurut Ahmad Jailani, menguruskan sebuah negeri yang sudah berjaya seperti Pulau Pinang untuk menjadikannya lebih maju adalah lebih sukar berbanding mengubah negeri 'miskin' kepada sebuah negeri yang maju.

"Sebelum menyertai Kerajaan Negeri, saya sudah tahu sedikit sebanyak mengenai pencapaian Pulau Pinang dalam pelbagai bidang kerana kampung halaman isteri saya adalah di Kedah, jadi kami selalu datang ke sini.

"Malah, anak perempuan saya juga suka melancong ke Pulau Pinang kerana pantainya yang cantik dan boleh dianggap sebagai salah satu destinasi percutian terbaik, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.

"Selain itu, Pulau Pinang juga merupakan negeri yang sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat selain mempunyai kemudahan awam yang sangat mesra pengguna.

"Semasa menghadiri mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri, saya dapat melihat bahawa beliau mempunyai barisan kepimpinan yang hebat dalam melontarkan idea serta melaksanakannya untuk meningkatkan ekonomi negeri.

"Sebab itulah saya menganggap bahawa menguruskan kejayaan yang telah dicapai oleh Pulau Pinang sebagai cabaran terbesar saya.

"Ini kerana, walaupun Kerajaan Negeri telah melakukan banyak perkara bagi meningkatkan ekonomi dan membantu rakyat, namun kita harus sentiasa berusaha degan lebih keras untuk mencapai tahap lebih tinggi," ujarnya yang berasal dari Perak.

## Disiplin

Walaupun beliau dilihat sebagai sosok yang tenang dan mesra, namun Ahmad Jailani sebenarnya mempunyai disiplin kerja yang sangat tinggi.

"Dalam kehidupan, kita memerlukan keseimbangan dalam hampir semua perkara yang kita lakukan.

"Saya boleh berbual dan ketawa dengan sesiapa sahaja, tetapi dalam hal-hal berkaitan dengan pekerjaan, saya tidak akan bertolak ansur terutamanya dalam soal disiplin dan prestasi.

"Bagi mereka yang pernah datang ke pejabat saya, mereka akan melihat bahawa saya mempunyai tiga ruang kerja berbeza.

"Pertama adalah meja bulat yang mana saya sering gunakan untuk menyelesaikan tugasan harian, dan yang kedua pula meja kasual yang dilengkapi sofa untuk menerima tetamu, manakala yang terakhir adalah meja yang jarang saya gunakan.

"Namun, sekiranya anda perlu berada di meja ini, ia bermakna ada sesuatu yang tidak kena pada diri anda," tambahnya.

Dalam pada itu, Ahmad Jailani berkata bahawa penularan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan ekonomi secara keseluruhannya merupakan cabaran terbesar untuk beliau sepanjang berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan.

"Justeru, sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, salah satu daripada tanggungjawab saya adalah untuk memulihkan semula ekonomi negeri ini," ulasnya.

## Siap siaga

Difahamkan, Ahmad Jailani, 60, akan bersara dalam masa beberapa bulan sahaja lagi selepas bekerja di enam kementerian dan jabatan yang berbeza sebelum ini.

"Saya tidak melihat pengalaman bekerja selama bertahun-tahun sebagai faktor menghalang saya daripada melakukan yang terbaik.

"Saya sendiri pernah berkhidmat dalam tempoh masa singkat tetapi apa yang penting adalah kita tidak boleh bertangguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan kerana hari esok belum tentu kita masih ada.

"Jangan fikirkan perkara yang berlaku semalam kerana ia sudah berakhir, dan jangan pula risau tentang hari esok kerana ia masih belum pasti… jadi, apa yang kita perlu fikirkan adalah hari ini.

"Sebab itu, moto hidup adalah sangat mudah iaitu 'BERSEDIA'," tegasnya.

Walaupun mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekologi Landskap dan Pengurusan Alam Sekitar dari Universiti Hiroshima di Jepun, namun ia tidak menghalang Ahmad Jailani untuk berkhidmat di jabatan yang jauh berbeza daripada latar pendidikan beliau.

Buktinya adalah apabila beliau diberikan peranan penting untuk mengendalikan Jabatan Penyiaran Negara selepas dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM) dari 2009 hingga 2014.

"Saya langsung tidak mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran tetapi apabila diberikan peluang, lama-lama ia menjadi satu pengalaman yang sangat menyeronokkan.

"Pada mulanya, penerimaan kehadiran saya di RTM adalah kurang disenangi oleh pekerja di sana kerana mungkin latar belakang saya yang jauh berbeza daripada bidang penyiaran.

"Walaupun saya tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam bidang berkaitan media, namun minat saya terhadap membaca telah membantu menambahkan pengetahuan saya mengenai bidang ini.

"Selepas beberapa bulan, saya memulakan beberapa program di RTM seperti Hiburan Minggu Ini, yang boleh dikatakan berjaya dan kakitangan di sana akhirnya mula melihat potensi yang ada dalam diri saya.

"Sejak itu, kami mula bekerjasama rapat terutamanya untuk meningkatkan jumlah penonton RTM yang pada ketika itu hanya seramai 80,000 orang sahaja.

"Saya juga menerbitkan buku pertama mengenai RTM bertajuk 'RTM Merentas Zaman' yang mengandungi sejarah awal penubuhannya sejak 1946 sehingga sekarang kerana dalam tempoh tersebut RTM tidak mempunyai sebarang rujukan," jelasnya.

Berdasarkan pengalaman tersebut jugalah, Ahmad Jailani mencadangkan agar Pulau Pinang menubuhkan saluran televisyen dalam talian sendiri bagi membolehkan maklumat disampaikan kepada rakyat secara lebih cepat dan berkesan.

"Pulau Pinang mempunyai banyak kandungan yang boleh diketengahkan dan rugi sekiranya tidak mempunyai saluran televisyen sendiri apatah lagi kita mempunyai liputan internet yang baik.

"Kos untuk menubuhkan saluran televisyen *online* juga lebih rendah berbanding rangkaian televisyen konvensional," cadang beliau.

Ahmad Jailani sebelum ini pernah memegang jawatan penting di beberapa kementerian, antaranya Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik, Jabatan Penyiaran Malaysia; Ketua Setiausaha di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan Ketua Pengarah dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau juga pernah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan seperti Anugerah Khidmat Cemerlang (Melintang) pada tahun 1997 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada 2006.



SESI wawancara yang diadakan baru-baru ini.

# Taman Trafik, lokasi pendidikan keselamatan jalan raya

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



KETUA Menteri bersama-sama Lim Guan Eng (kiri sekali) dan Soon Lip Chee (dua dari kiri) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Taman Trafik dekat Taman Dahlia di sini baru-baru ini.

**BAGAN JERMAL -** Taman Trafik yang diwujudkan dekat Taman Dahlia merupakan yang pertama di bahagian Seberang Perai.

Taman yang dirancang sejak tahun 2020 dengan nilai RM83,350 dirasmikan oleh Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 13 Februari lalu.

Menurut beliau, projek Taman Trafik pertama berkaitan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) pada tahun 2020, dan sebulat suara telah memperoleh persetujuan semua Ahli Mesyuarat.

"Saya yakin taman ini akan menjadi sebuah taman poket berkonsepkan trafik dan bakal memanfaatkan golongan kanak-kanak khasnya supaya lebih memahami syarat-syarat keselamatan jalan raya demi keselamatan mereka.

"Dalam pada itu, selain Taman Areca (Sungai Pinang) dan Taman Trafik Taman Dahlia ini, PSDKLPP juga dalam usaha untuk menyempurnakan sebuah lagi taman di daerah Seberang Perai Tengah iaitu Taman Rimba WoodHAVEN.

"Saya difahamkan bahawa Taman Rimba WoodHAVEN ini akan menggabungkan ciri-ciri suasana sebuah rimba bandar yang sesuai untuk perkhemahan dan program rekreasi berkeluarga," ujarnya pada majlis berkenaan.



LALUAN dengan kepelbagaian tanda isyarat lalu lintas yang menjadi tarikan utama.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan Pengarah Urusan RK Taksago Chain South Asia, Datuk Lee Thian Chai.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yakin bahawa PSDKLPP akan terus membangunkan atau menaik taraf lebih banyak kawasan lapang di Pulau Pinang dengan konsep taman yang dinamik demi mencapai matlamat mewujudkan suasana kehidupan lebih ceria serta aktif dalam kalangan rakyat.

"Ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 iaitu ke arah sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," ulasnya lanjut.

Dalam pada itu, Lip Chee memaklumkan bahawa antara skop projek di Taman Trafik, Taman Dahlia adalah laluan pejalan kaki, papan-papan tanda jalan raya, bonggol, bulatan, pokok-pokok renek dan arca berkaitan keselamatan jalan raya.

"Saya berharap, selain menjadi kawasan rekreasi, taman ini juga mampu menjadi sebuah lokasi pendidikan kepada kanak-kanak untuk mula mengenali isyarat-isyarat lalu lintas.

"Saya dengan ini juga merakamkan ucapan terima kasih kepada PSDKLPP kerana memilih Bagan Jermal sebagai projek Taman Trafik pertama di Seberang Perai ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Bersempena perasmian tersebut, syarikat RK Takasago Chain South Asia telah menyumbangkan 20 buah basikal kanak-kanak untuk kegunaan pengunjung di situ.

## Balapan Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Jalan Betek dibuka umum

**PADANG LALANG -** Balapan di Kompleks Sukan dan Rekreasi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dekat Jalan Betek dibuka kepada umum untuk tujuan rekreasi bermula 12 Februari 2022 ekoran terdapat permintaan daripada orang awam.

Menurut Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, trek yang baru siap dinaik taraf sebelum itu dibuka kepada atlet negeri sahaja untuk tujuan latihan.

"Selepas menerima permintaan daripada orang awam untuk menggunakan trek ini dan keputusan telah dicapai antara jabatan serta agensi kerajaan yang terlibat, orang awam kini boleh bersukan di trek (atau) balapan tersebut pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) dari jam 5 petang hingga 7.30 malam," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini pada 10 Februari 2022.

Menurut Lip Chee, tempoh penggunaan balapan untuk umum dan atlet negeri diatur pada waktu berbeza bagi mengelakkan sebarang kemalangan melibatkan kedua-dua kelompok tersebut.

"(Sehubungan itu,) saya berharap atlet-atlet dapat memanfaatkan trek (atau) balapan ini serta menjalankan latihan dengan bersungguh-sungguh supaya memperoleh keputusan cemerlang dalam pertandingan yang akan datang dan mengharumkan nama negeri Pulau Pinang," serunya.



SOON Lip Chee (tengah) dan Azhar Arshad (kanan sekali) pada sesi lawatan tapak ke Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP dekat Jalan Betek di sini baru-baru ini.

TREK balapan yang telah siap dinaik taraf dengan perbelanjaan berjumlah RM1.65 juta.

Di samping itu, Lip Chee turut mengalu-alukan agensi kerajaan, swasta, sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berminat untuk menganjurkan aktiviti atau program sukan di Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Jalan Betek supaya menghubungi wakil Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) menerusi talian 017-4222898 (Encik Cheah).

Terdahulu, Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal bersama-sama Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad pada 7 Februari lepas mengadakan lawatan ke tapak projek penaiktarafan balapan kompleks berkaitan yang telah siap sepenuhnya dengan perbelanjaan berjumlah RM1.65 juta.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Pemadaman berjaya, tindakan dikuat kuasa

**Strategi '*firebreak*'**

Memasuki hari kedua, Norhairuddin memberitahu bahawa tapak yang terbahagi kepada tiga fasa itu dipecahkan kepada enam sektor untuk dilakukan pemecahan atau dipanggil *firebreak*.

"Kalau boleh, kami tidak mahu sektor enam terbakar, sekiranya terjadi maka ia akan lebih memakan masa untuk memadamkan kebakaran.

"Lepas itu kebakaran di sektor 1, 2, dan 4 nampak berjaya dikawal sehinggalah masuk hari keempat.

"Selepas berjaya mengawal kebakaran melalui *firebreak*, barulah anggota kami fokus untuk melawan api iaitu memadamkan kebakaran sehingga ke bawah tanah," ujar anak jati Bandar Jengka, Pahang itu lagi.

Bercerita lanjut mengenai *firebreak*, jelas Norhairuddin, kaedah tersebut memerlukan pengorekan lubang sebelum ditimbus semula menggunakan tanah bagi mengelakkan perebakan api.

"Situasi kebakaran di tapak pelupusan agak berbeza kerana terdapat lima lapisan timbunan sampah di tapak tersebut yang mampu terbakar dari dalam.

"Dianggarkan, setiap baris *firebreak* memerlukan sehingga 70 timbunan lori tanah untuk menghalang api dari merebak dan kaedah ini juga mengurangkan oksigen daripada sampai kepada sumber pembakaran, sekali gus memudahkan pemadaman api dilakukan.

"Lapisan sampah dan tanah itu sedikit menyukarkan, kita tengok ada netizen pun sudah mula bising, pertikai kenapa tidak padam api macam ini, macam itu, kita pantau semua itu, namun saya anggap mungkin mereka tidak faham tugas kami," katanya sambil berseloroh.

Selesai membuat *firebreak*, Norhairuddin memberitahu bahawa pihaknya mula menempatkan jentera bomba berdekatan lokasi kebakaran untuk melaksanakan misi pemadaman.

Dalam pada itu, Norhairuddin yang juga lulusan Sarjana Muda Komunikasi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Bomba dari negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang turut sama membantu.



KAEDAH pengeboman air yang turut digunakan.



NORHAIRUDDIN Noraidin.

**'Kaedah Pemadaman Lain'**

Di samping itu, Norhairuddin menyatakan bahawa kaedah lain yang digunakan oleh pihak bomba bagi memadam kebakaran adalah menerusi kaedah *'water bombing'* menggunakan helikopter.

"Kaedah ini lebih baik daripada kaedah semburan menggunakan pesawat, kerana 'bombing' ini ia meresap jauh ke dalam tanah.

"Kalau guna pesawat, api di atas mungkin padam namun di bawah masih terbakar, ibarat sekam padi.

"Pada masa sama, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung," ulasnya.

**Kekuatan Anggota**

Secara keseluruhan, difahamkan seramai 40 anggota bomba bertugas sepenuh masa dalam satu hari dan dipecahkan kepada tiga syif.

Anggota bertugas pada waktu malam lebih kepada membentuk pertahanan, manakala di waktu siang, lebih *offensive* iaitu memadamkan kebakaran.

Norhairuddin memaklumkan bahawa pada hari ketujuh barulah kelihatan titik-titik panas juga semakin berkurangan, hasil pemantauan oleh pihak JAS.

**Cabaran**

Selain itu, Norhairuddin turut berkongsi cabaran sepanjang operasi memadam kebakaran yang sebenarnya di luar kawalan bomba sendiri; seperti faktor cuaca panas.

"Kalau lihat semula, sepanjang tempoh kejadian, memang cuaca sangat panas dan tiada hujan di kawasan terbabit ditambah pula tiupan angin kencang.

"Ada pun mungkin satu hari, namun tempoh yang singkat dan kadar yang sedikit menjadikan ia tidak membantu.

"Mungkin ramai bertanya kenapa tidak adakan pembenihan awan.

"Proses ini bukanlah mudah, kena kaji bentuk awan bagi membuahkan hasil, kalau tidak ia tidak menjadi, kita pun bimbang kalau awan ditolak angin akan berlaku pula hujan di tempat lain," maklumnya.

**Pemadaman berjaya**

Sebagai rekod, tanggal 31 Januari 2022, kebakaran tersebut diisytiharkan tamat apabila 98 peratus daripada 11 hektar yang terbakar berjaya dipadamkan.

Namun, menurut beliau, sehingga 2 Februari 2022, pihak bomba terus menjalankan operasi pemantauan sekiranya masih ada sektor-sektor yang terbakar dan mampu kembali mencetuskan kebakaran.

**Respons Exco & ADUN**

Dalam perkembangan berkaitan, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** ketika memberi respons antara lain berkata, pihak Kerajaan Negeri turut memantau rapi dan memandang serius tentang kejadian tersebut.

"Pihak JAS Pulau Pinang ketika itu terus memantau bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di stesen Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Byram.

"Apa yang penting adalah udara di situ selamat untuk penduduk, tetapi selepas itu didapati bacaan tidak selamat maka mereka yang terjejas perlu dipindahkan.

"JAS juga pantau bagi memastikan tiada lagi titik panas yang boleh menyebabkan kebakaran di tapak berkenaan.

"Sehingga 7 pagi, 2 Februari 2022, bacaan IPU di kawasan itu menunjukkan paras sederhana iaitu 74," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

ADUN Jawi, **JASON H'NG MOOI LYE** pula melalui hantaran *Facebook* turut memaklumkan bahawa pihaknya turut memantau kerja-kerja tanah di Pulau Burung secara berterusan sehingga 8 Februari lalu demi memastikan tiada lagi kebakaran yang berlaku.



PASUKAN Bomba dan Penyelamat pada misi memadamkan kebakaran.



KEADAAN di tapak bertarikh 16 Januari 2022.

# Cerewet di dapur, jiwa anak Bali sinonim di Pulau Pinang








1. PETER Joseph Tait di hadapan premis Nona Bali.
2. HIDANGAN itik bakar yang sangat unik dan enak.
3. SATE lilit yang merupakan antara menu istimewa.

MENYIFATKAN suasana di Pulau Pinang saling tidak tumpah seperti tempat kelahirannya di Bali, Indonesia iaitu sebuah kepulauan peranginan antarabangsa yang kaya dengan gastronomi dan budaya, telah mendorong **I MADE SUDIARTA**, 36 memulakan perniagaan Restoran Nona Bali bersama-sama rakan perniagaannya, **PETER JOSEPH TAIT**, 57 di sini hampir 10 tahun lalu.



I Made Sudiarta.

Senang disapa sebagai ‘Made’ (sebutan Ma-dey), selok-belok di Pulau Pinang yang sudah sebati dengan dirinya menjadikan kerinduan terhadap kampung halaman sedikit terubat di Pulau Mutiara.

“Laut, bukit-bukau, tempat peranginan menarik serta kaya dengan warisan serta sejarah menjadikan Pulau Pinang dan Bali lebih ‘dekat’ dengan jiwa Made di sini,” katanya sebagai pembuka bicara pada pertemuan bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** baru-baru ini.

## Pembukaan Nona Bali

Made merupakan seorang graduan bidang kulinari di Bali dan berkhidmat di negeri kelahiran selepas tamat pengajian.

“Ketika percutian di Eropah, saya bertemu Peter dan kami membuat keputusan untuk mengusahakan restoran apatah lagi Peter amat mahir dengan masakan India dan Thailand.

“Pada waktu itu, saya memberikan cadangan untuk membuka premis berkonsepkan kafe.

“Setelah berbincang, kami berdua telah setuju untuk mengusahakan restoran masakan Indonesia yang dinamakan ‘Nona Bali’ iaitu restoran pertama khusus untuk makanan Indonesia di Pulau Pinang,” jelas anak muda yang berasal dari daerah Sanur, Bali.

Diakui, di Pulau Pinang memang banyak premis makanan yang menyediakan masakan Indonesia tetapi bukanlah bertaraf restoran seperti diusahakannya.

Sebelum memulakan perniagaan, Made dan Peter turut menjelajah ke seluruh pelosok Asia Tenggara bagi mencari konsep yang sesuai untuk diketengahkan serta mampu mendapat sambutan.

## Konsep, perjalanan dan cabaran pandemik

Selain menyajikan makanan dan minuman asli kepada pelanggan, konsep Nona Bali juga lebih mesra kepada semua kaum dan harmoni dengan membeli barangan mentah daripada pembekal halal, tidak menjual alkohol atau masak menggunakan bahan tersebut.

“Di Pulau Pinang, kami bernasib baik kerana negeri ini merupakan destinasi pelancongan perubatan *(medical tourism)* yang mana rata-ratanya dari Indonesia.

“Kami mengambil langkah memaklumkan kepada Pejabat Konsulat Jenderal Republik Indonesia di Pulau Tikus tentang keberadaan kami, jadi sekiranya ada pelancong dari Indonesia datang mendapatkan rawatan dan bertanya tentang makanan Indonesia mereka akan mencadangkan Nona Bali,” katanya.

Berkongsi lanjut, selama sembilan tahun Nona Bali bertapak di Persiaran Karpal Singh, Made dan Peter mengambil keputusan berpindah ke Pulau Tikus pada 1 Jun 2021 atas beberapa faktor tertentu termasuk impak pandemik COVID-19.

“Di tempat lama agak tersorok sebenarnya, kesesakan lalu lintas dan masalah parkir. Sebelum pandemik COVID-19, kami banyak bergantung kepada pelanggan dari sektor perkilangan.

“Ketika pendemik melanda memang sungguh mencabar, tambahan pula kami tidak menggunakan sebarang khidmat penghantaran dalam talian demi menjaga keistimewaan dan standard masakan kami,” maklumnya.

Selepas berpindah ke Pulau Tikus, Made mendapati perniagaan Nona Bali bertambah baik dan kini beliau menanti kebenaran sektor pelancongan perubatan untuk dibuka semula dengan harapan mengembalikan ‘kemeriahan’ restoran tersebut.

“Fokus kini adalah untuk kembali stabilkan perniagaan, kami juga bercadang menjalankan perniagaan sambal terasi yang menjadi permintaan hangat di sini.

“Satu perkara yang saya gembira di sini adalah penerimaan orang tempatan terhadap masakan Nona Bali, perasaan tersebut tidak dapat digambarkan dan kita semua tahu bahawa hasil kerja kita dihargai.

“Rasa masakan menjadi keutamaan, ada pelanggan yang lama setia mengakui, rasa tidak berubah semenjak awal pembukaan hingga kini,” ujarnya yang mengakui agak cerewet mengenai bahan-bahan masakan digunakan.

## Menu istimewa

Bagi pembuka selera, Nona Bali menawarkan sate lilit yang dimasak dengan membalut daging atas batang serai dan gado-gado yang lebih berempah.

Manakala menu utama yang mendapat permintaan ramai adalah itik bakar, goreng dan rendang berserta sambal hijau yang diolah daripada sambal ala Padang, Indonesia.

“Itik di Nona Bali saya boleh yakinkan pelanggan ia tiada bau dan tidak liat seperti di kebanyakan premis.

“Kalau tidak berpuas hati pulangkan balik, dan saya pulangkan semula duit,” tegasnya kepada Buletin Mutiara.

Tidak ketinggalan, pencuci mulut seperti sagu gula melaka, pulut hitam dan lain-lain yang mesti dicuba.

Bagi yang ingin mencuba selera baharu ini, boleh berkunjung ke No. 23, Lintang Burma, Pulau Tikus. Restoran ini beroperasi setiap hari kecuali hari Rabu; Waktu perniagaan adalah bermula pada jam 11:30 pagi hingga 3:00 petang dan 5:30 petang hingga 9:30 malam. Bagi maklumat lanjut, hubungi Restoran Nona Bali di talian 04-228 1630.

# Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang hasrat majukan ekosistem pemain wanita negeri

**PERSATUAN** Bola Sepak Selangor (FAS) melancarkan Liga Super Wanita (WSL) pada November tahun lepas dengan harapan membangunkan dan melatih lebih ramai pemain serta pegawai bola sepak wanita di negara ini.

Berkongsi inspirasi sama, Pengurus Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang, **S. SRI SANGAR** yang mahu dikenali sebagai 'Sri Usc' berharap liga seumpama itu turut diwujudkan oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (Penang FA) suatu hari nanti.

"Pemain bola sepak wanita juga seperti lelaki, mereka akan bermain bola juga walaupun tidak menyertai mana-mana kelab.

"Mereka (pemain bola sepak wanita) memang ada di Pulau Pinang, cuma tiada kesinambungan pada tahap selanjutnya untuk mereka beraksi dalam mana-mana kelab sedia ada di negeri ini.

"Seperti pemain bola adalah wanita dalam Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang, selepas mereka habis menyertai satu-satu kejohanan, kita sedang berusaha mewujudkan ekosistem untuk kesinambungan mereka pada peringkat selanjutnya.

"Selangor buat liga sendiri melibatkan pemain bola sepak wanita… begitu juga Kuala Lumpur, jadi perlu kesinambungan untuk pemain bola sepak wanita bermain dalam liga seumpama itu di Pulau Pinang," jelasnya.



SRI Usc (berbaju hitam) bersama-sama empat pemain wanita Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang yang baru menyertai kursus menjadi pengadil baru-baru ini.

## Memburu bakat baru

Berkongsi lanjut, Sri Usc menjelaskan mengenai projek ekosistem yang sedia dilaksanakan dalam Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang kini.

"Mula-mula kita hanya mengambil pemain wanita untuk menyertai Penang India FC.

"Selepas itu, kita bergerak setapak lagi dengan menghantar para pemain wanita kita untuk menyertai kursus sebagai pengadil.

"Dengan mengambil kursus sebagai pengadil, mereka masih boleh beraksi sebagai pemain," ujarnya.

## Idea rekrut pengadil wanita

Di samping itu, beliau turut berkongsi cetusan idea menghantar pemain wanita Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang menyertai kursus menjadi pengadil perlawanan.

"Idea menghantar pemain wanita pergi kursus kerana mula-mula para pemain kita hanya ada bakat bermain bola sepak, tetapi masing-masing tidak tahu selok-belok mengenai peraturan permainan secara mendalam.

"Jadi, kita menghantar empat pemain wanita kita untuk menjalani kursus sebagai pengadil.

"Sebagai jurulatih dan pengurus kelab, saya sendiri mengambil masa yang lama untuk memperbaiki pengurusan dan aspek kejurulatihan.

"Apabila mereka (pemain bola sepak wanita) tahu mengenai aspek menjadi pengadil, kerja pada peringkat pengurusan lebih mudah," ulasnya lanjut.

## Harapan

Mengakhiri temubual, Sri Usc berharap Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang tidak terhad dalam melahirkan bakat baru baik wanita mahupun lelaki.

"Bola sepak sekarang bukan sekadar sukan, sudah menjadi salah satu lagi cabang perniagaan yang ada prospek.

"Dalam dunia bola sepak sekarang, ada penganjur kejohanan dan pengurus kelab, bidang fisioterapi…setiap peranan yang ada dalam permainan bola sepak akan mencipta peluang pekerjaan.

"Ada bakat kita boleh jadi penganjur kejohanan umpamanya, ada kursus pada peringkat diploma hatta tahap seterusnya.

"Maka, kami (Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang) akan menghantar pemain wanita untuk kursus-kursus berkaitan juga.

"Dengan menyertai semua kursus melalui perancangan pada peringkat kelab ini pada masa hadapan, mereka mempunyai peluang untuk bekerja dengan mana-mana kelab lain kelak.

"Jadi pembinaan ekosistem dalam Kelab Bola Sepak India Pulau Pinang ini bukan hanya menumpu kepada aspek mencari bakat baharu atau menghantar mereka menyertai kursus kejurulatihan serta kursus pengadil sahaja," ulasnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Proses asimilasi panjang jadikan

**PENGIKTIRAFAN** bandar raya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada Julai 2008 telah meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang nilai serta kepentingan warisan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang, secara keseluruhannya.

Ironinya pengiktirafan tersebut telah membawa kepada usaha yang proaktif dalam pelbagai aspek konservasi dan ratifikasi warisan bagi memastikan pembangunan fizikal yang agresif tidak menghakis atau meninggalkan kesan ketara seperti kemusnahan dan kepupusan terhadap tinggalan sejarah serta khazanah negara.

Secara tidak langsung, pembangunan fizikal yang terkawal dapat diseimbangkan sekali gus mewujudkan nilai tambah terhadap negeri Pulau Pinang, misalnya pelancongan berteraskan warisan.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** baru-baru ini berkesempatan bertemu dengan Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, **ROSLI NOR** bagi mendapatkan perspektif beliau tentang warisan di Pulau Pinang.

## Latar belakang

Berasal dari Kuala Lumpur, Rosli sebenarnya telah berkhidmat selama 25 tahun di Melaka sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri di sini pada 1 September 2021.

Beliau merupakan mantan Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia Melaka dan pernah berkhidmat dengan Perbadanan Muzium dan Galeri Melaka (PERZIM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) serta di Unit Warisan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (kini Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, MOTAC).

Selain itu, lulusan seni bina dalam bidang pemuliharaan bangunan dan bandar dari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL) itu juga merupakan mantan Pensyarah Sejarah Seni Bina di Limkokwing University serta pernah berkhidmat dengan firma swasta dalam bidang seni bina di Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

## Pulau Pinang adalah *'Liveable City'*

Rosli memberitahu bahawa sejarah telah membuktikan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri metropolitan dan begitu strategik untuk aktiviti perdagangan kerana kedudukannya terletak di permulaan Selat Melaka.

"Malah, Pulau Pinang sangat majmuk dengan kepelbagaian bangsa yang datang dari serata dunia termasuklah dari Eropah, India, China, Thailand dan Burma (ketika itu) berdagang di sini.

"Hinggakan setiap bangsa yang datang berdagang ke sini mempunyai tempatnya tersendiri seperti George Town (sempena nama Putera Wales), Lebuh Bishop dan Lebuh Gereja misalnya menjadi penempatan kaum Serani dari Kedah dan Phuket.

"(Dan) saya amat kagum apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih mengekalkan nama-nama tempat dan jalan tersebut sehingga ke hari ini.

"Ini menunjukkan betapa signifikannya sejarah sesuatu tempat itu seperti Kampung Malabar (dekat Lebuh Chulia) yang dikaitkan dengan kaum Malabar dari Barat Daya India serta Lebuh China yang dikaitkan dengan kedatangan pedagang dari China.

"(Selain itu), ada juga Lebuh Melayu, Lebuh Acheh, Jalan Kapitan Keling…semua nama-nama ini memudahkan kita untuk menjejaki warisan Pulau Pinang, lagi-lagi sejarah negeri ini didokumentasikan dengan begitu baik," jelasnya.

Menurut Rosli, kini Pulau Pinang merupakan sebuah negeri berkembang pesat terutama di kawasan George Town yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial.

"Bukan sahaja George Town, di Pulau Pinang ini terdapat banyak bandar yang *'liveable'*... maknanya 'hidup' seperti di Pulau Tikus, Balik Pulau, Batu Kawan dan Bukit Mertajam.

"(Tetapi) sebagai *'Liveable City'*, tatacara pengurusan perlulah baik serta tidak terlalu dominan supaya ia menepati arus kemodenan dan dalam masa sama dapat mengekalkan kelestarian warisan yang ada.

"Begitu juga cara untuk mengekalkan kehidupan harian masyarakat lama di kedai-kedai runcit, kopitiam, kedai kerajinan tangan, kedai rotan, kedai membuat tembikar dan bukan semata-mata memenuhi kehendak pelancong," katanya.

Dalam pada itu, Rosli berpandangan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dan memberi insentif kepada mereka yang masih memelihara warisan lampau sehingga ke hari ini.

"Jika di luar negara, terdapat pelbagai cara insentif diberikan antaranya mengurangkan atau tidak perlu membayar cukai pintu sebagai galakan dan penghargaan kerana mereka telah menyokong usaha kerajaan untuk memelihara warisan tanpa mengorbankan norma hidup pemilik warisan itu.

"Di bawah UNESCO pun terdapat garis panduan yang boleh diaplikasikan tanpa perlu 'memfosilkan' *(fossilize)* garis masa, itulah yang dikatakan *'sustainable development'* (pembangunan mampan)," ulasnya.

## Wujudkan Daftar Warisan Negeri dan Majlis Warisan Negeri

Malaysia merupakan negara yang mempunyai daftar warisan tidak ketara paling banyak jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia.

"Hal ini demikian kerana, Malaysia merupakan sebuah negara yang majmuk bukan sahaja bangsa tetapi juga merangkumi masakan, nyanyian, kesenian…didaftarkan di bawah Daftar Warisan Kebangsaan.

"Saya berpandangan bahawa di Pulau Pinang juga boleh diwujudkan Daftar Warisan Negeri kerana keunikan yang ada terutama dari segi makanan dan budaya.

"Tambahan pula, dengan adanya daftar warisan tersebut ia akan membolehkan item-item warisan di Pulau Pinang ini diwartakan sebagai warisan yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri setelah



**ROSLI Nor pada sesi wawancara baru-baru ini.**



# warisan Pulau Pinang amat unik

melalui proses pewartaan," katanya.

Selain mewujudkan Daftar Warisan Negeri Pulau Pinang, Rosli memaklumkan bahawa pihaknya kini dalam usaha menyediakan pelan tindakan pemuliharaan serta garis panduan pemeliharaan untuk dijadikan rujukan pada masa hadapan.

"Sebenarnya Enakmen Warisan Pulau Pinang mempunyai spektrum yang sangat luas merangkumi warisan ketara dan warisan tidak ketara.

"Oleh itu, penting untuk kita mengadakan satu 'badan' yang dikenali sebagai Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang yang mana lima pakar bakal dilantik berdasarkan bidang kepakaran seperti pakar seni bina perancangan bandar, pakar arkeologi, pakar sejarah, pakar kebudayaan serta kesenian dan lain-lain yang wajar.

"(Dan) setiap pakar ini juga dibenarkan untuk mewujudkan jawatankuasa masing-masing bagi mengadakan penyelidikan dan lain-lain kerja berkaitan," ujarnya.

Difahamkan, majlis tersebut akan dipengerusikan oleh Ketua Menteri yang akan melantik tiga lagi ahli dalam kalangan Exco Kerajaan Negeri untuk menganggotainya.

## Pulau Pinang kaya warisan bangsa dan budaya

Selain boria, ghazal parti, opera patung Cina, chingay dan Menora Thai yang merupakan warisan seni persembahan dan budaya didaftarkan dalam Daftar Warisan Kebangsaan, Rosli berkata terdapat juga beberapa bangunan penting seperti Tokong Kuan Yin (yang merupakan tokong pertama dibina di George Town oleh penduduk berbangsa Tionghoa), Masjid Melayu Lebuh Acheh (dibina oleh kerabat diraja Acheh dari Sumatera bermula tahun 1792) dan Khoo Kongsi (rumah klan yang disiap dibina pada tahun 1906) yang turut didaftarkan di bawah Daftar Warisan Kebangsaan.

"Banyak lagi sebenarnya yang boleh diangkat sebagai warisan negeri misalnya dari segi seni binaan bangunan seperti *Penang Free School, Methodist Boys School* dan *Methodist Girls School*.

"Begitu juga sekolah-sekolah Cina yang terdapat di negeri ini sangat berbeza dari tempat-tempat lain yang mana saya tengok terdapat menara jam di dalam premis sekolah.

"Dari segi seni persembahan muzik kita (Pulau Pinang) ada P. Ramlee, Jimmy Boyle, Ahmad Nawab dan ramai lagi, semuanya merupakan sebahagian sejarah Pulau Pinang yang boleh 'diangkat' sebagai warisan sepanjang zaman.

"(Dan) salah satu justifikasi untuk mewajarkan sesuatu perkara itu 'diangkat' sebagai warisan adalah berdasarkan sejarah penubuhan dan cerita-cerita rakyat," katanya yang turut berhasrat mewartakan bangunan-bangunan kerajaan sebagai warisan negeri.

Dalam pada itu, Rosli turut bercita-cita mengangkat keunikan bahasa yang dituturkan oleh rakyat tempatan Pulau Pinang.

"Bahasa memainkan peranan sebagai alat komunikasi dan amat erat hubungannya dengan manusia serta kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengekspresikan jati diri, kepercayaan, kebanggaan serta kebijaksanaan pendukungnya.

"Misalnya, dialek Pulau Pinang yang cukup unik, agak kasar dan berbeza dengan dialek yang dituturkan di Kedah yang lebih asli dan lebih kedengaran lembut.

"Begitu juga dialek Hokkien Pulau Pinang yang mana menjadi sebahagian usaha untuk dikekalkan sebagai warisan dan ia memerlukan pakar untuk menjustifikasikan dan mendokumentasikannya," jelasnya lanjut.

## Cabaran dan Harapan

Apabila Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) dikuatkuasakan pada tahun 2005, takrifan mengenai sumber warisan telah diperluaskan, dan sejak itu aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan warisan semakin rancak.

Mengulas lanjut, Rosli menyatakan bahawa salah satu cabaran dalam memelihara dan memulihara warisan adalah untuk memastikan warisan itu terus hidup serta malar segar.

"Apatah lagi apabila pemilik premis atau bangunan berkenaan masih menjalani kehidupan atau menetap di situ.

"Di Pulau Pinang, matlamat saya bukanlah untuk membawa negeri ini (Pulau Pinang) kembali ke zaman silam atau melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan keperluan pemilik.

